



**TEKS UCAPAN**  
**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN**  
**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**MERANGKAP PENASIHAT PUSPANITA**  
**CAWANGAN KECIL JPA**

**SEMPENA**

**MESYUARAT AGUNG PUSPANITA**  
**CAWANGAN KECIL JPA TAHUN 2017**

**17 MAC 2017 (JUMAAT), 9.30 PAGI**  
**AUDITORIUM JPA, ARAS 4, C1**

Assalamualaikum      Warrahmatullahi  
Wabarakatuh  
Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan dan  
Salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih diucapkan kepada  
pengacara majlis,

Yang Berbahagia Datin Sri Nik Hasmah  
binti Nik Kadir,  
Pengerusi PUSPANITA Cawangan  
Kecil JPA

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin  
Mohd Abd Rahman,  
Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Sabariah binti  
Hassan,  
Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Operasi)

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengerusi-pengerusi Biro PUSPANITA  
Cawangan Kecil JPA

Saudari ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kecil JPA yang saya hormati sekalian.

Syukur Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji-pujian dan rasa kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama dalam Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil JPA bagi tahun 2017 ini.

## **PENDAHULUAN**

1. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datin Sri Nik Hasmah binti Nik Kadir, selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JPA serta semua pihak yang terlibat menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil JPA bagi tahun 2017. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pandangan dan pesanan kepada semua ahli PUSPANITA yang hadir pada hari ini.

**Saudari yang saya hormati sekalian,**

## SEJARAH KETOKOHAN DAN PERANAN WANITA

2. Peradaban Melayu telah mengangkat peranan kaum wanita dalam memajukan keluarga dan masyarakat. Pepatah Melayu, **“Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia”** sering disebut-sebut. Ia membawa maksud bahawa dalam lembutnya tangan semasa menghayun buaian, seorang wanita itu juga “berkuasa” mendidik anak sehingga mampu menjadi seorang Pemimpin yang bisa menjulang negaranya atau mungkin juga

membuat onar sehingga menggoncang dunia. Agama Islam juga telah **meletakkan kedudukan wanita amat istimewa** hinggakan sebuah surah diperuntukkan khas menceritakan tentang kaum hawa iaitu **surah An Nissa'**.

3. Sesungguhnya, tidak dinafikan wanita mempunyai **peranan yang besar dan penting** di dalam membawa negara kita ke peringkat ini baik sebagai wanita yang bekerja di sektor awam, swasta mahupun mereka yang bekerja sendiri atau sepenuh masa di rumah. Sebagai seorang lelaki yang

sentiasa disokong oleh wanita daripada kecil, dari ibu saya, guru saya dan isteri saya juga, maka wajarlah saya mengagumi keunikan kaum hawa yang mampu memainkan pelbagai peranan dengan baik pada satu-satu masa.

***“If you want something said, ask a man; if you want something done, ask a woman”***

**Margaret Thatcher**

**Ahli PUSPANITA yang saya hormati,**



4. Itizam ini jelas tercermin melalui **tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2017** pada 8 Mac yang lalu iaitu '**Berani Untuk Berubah**'. Saya ingin menyeru semua penjawat awam wanita supaya membentuk legasi yang lebih baik bagi generasi yang akan datang. Wanita perlu lebih **berani dan yakin** dengan diri sendiri, keluar dari kepompong kebiasaan sebelum ini untuk lebih berjaya.

5. Jadikan tokoh-tokoh seperti Saiditina Siti Khadijah, Siti Aisyah, Tun Fatimah, Cik Siti Wan Kembang, Tun Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani

dan Dato' Dr. Zurinah Hassan sebagai contoh kerana mereka adalah antara nama besar wanita yang telah berjasa kepada pembangunan negara dan masyarakat di zamannya. Mereka ini mempunyai ketokohan, kekuatan dan keyakinan diri yang tiada tolok bandingnya.

**Saudari yang saya hormati sekalian,**

6. Tuntutan kepada anggota Perkhidmatan Awam pada masa kini bukanlah sesuatu yang boleh dipandang secara remeh sahaja. Ini adalah kerana desakan perkembangan

dunia amat mementingkan **anggota perkhidmatan awam yang berilmu**. Ini tidak terhad kepada kelulusan akademik semata-mata, sebaliknya pengetahuan dan kemahiran juga amat diperlukan. Oleh itu, anggota perkhidmatan awam perlu **berusaha untuk meningkatkan prestasi** dengan mengambil peluang yang ada untuk memperluaskan lagi ilmu serta dapat mengadaptasikan diri terhadap perubahan yang berlaku di dalam organisasi dan juga di persekitaran.

7. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **berkongsi 5**

**perkara yang diperlukan untuk berjaya dalam sesuatu usaha. Pertama**, untuk berjaya, kita perlukan **minat atau *passion***. Minat seseorang kepada sesuatu perkara mampu membawa dia ke tahap yang tidak terbayang sebelumnya. Sekiranya kita mempunyai *passion* untuk bekerja, maka segala perkara dapat dilaksanakan dengan mudah. Minat ini boleh diterapkan dalam diri seseorang dengan memikirkan manfaat yang akan diberikan kepada diri sendiri dan masyarakat dalam menjalankan tugas, di samping ganjaran yang akan diperoleh di akhirat kelak, Insya Allah.

**8. Kedua, sentiasa memperbaiki diri dan tidak berputus asa.** Kita perlu sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri kita tidak kira walau apa pun pangkat kita. Belajarlah selagi boleh. Kita perlu ingat, tiada keajaiban dalam mencapai kejayaan. Dalam membuat apa juga perkara atau pekerjaan, berhadapan dengan cabaran adalah menjadi perkara yang biasa dan lumrah. Sikap tidak cepat berputus asa, cekal dan sanggup bersusah payah adalah perlu dalam diri untuk mencapai kejayaan. Bak kata cendekiawan, **“Tidak ada laut yang luas, lurah yang dalam, bukit yang tinggi, dan jalan**

**yang susah bagi orang yang mahu. Hanya orang yang malas dan putus asa juga selalu keciciran".** Ingatlah, segalanya memerlukan usaha, pengorbanan dan ketekunan.

**9. Ketiga, berani menghadapi kegagalan.** Berani tidak berarti tidak merasa takut menghadapi bahaya atau tidak gentar menghadapi sesuatu. Seorang bayi tidak akan dapat berjalan jika dia enggan menerima risiko terjatuh ketika berlatih berjalan. Seorang penunggang basikal akan cepat bangun apabila terjatuh jika sebelum itu dia sudah biasa terjatuh,

berbanding dengan seseorang yang sebelum itu tidak pernah jatuh. Orang yang takut menerima teguran atau pembetulan tidak akan mencapai kejayaan yang sebenar. Gagal sekali tidak bermakna terus menerus gagal. Kadang-kadang, kegagalan merupakan guru yang paling berguna bagi seseorang untuk terus memperbaiki diri dan mencapai kecemerlangan.

**10. Keempat, berpandangan jauh.** Apabila seseorang itu berpandangan jauh, mereka akan berusaha dengan lebih gigih lagi dan akan tersisiplah

pula matlamat dalam dirinya. Kewujudan matlamat ini akan menyebabkan kita lebih tahu arah tujuan dan ruang lingkup sebenar hidup. Seterusnya, kita akan menggunakan ilmu ke arah kebaikan diri sendiri, keluarga dan negara.

11. **Kelima, berdisiplin.** Secara umumnya, disiplin boleh didefinisikan sebagai satu sistem hidup yang ditetapkan oleh sesuatu kumpulan atau badan untuk wujudkan suasana yang teratur dan tenteram supaya perkhidmatan yang memuaskan diperoleh daripada anggota-anggota



kumpulan itu. Disiplin yang tinggi dalam diri akan memberikan atau membuahkan hasil yang baik di mana kita dapat mengatur hidup dengan baik sekaligus mencapai apa yang diimpikan oleh kita.

**Ahli PUSPANITA yang saya hormati,**

**WANITA DALAM PERKHIDMATAN  
AWAM DAN PEMBANGUNAN  
MALAYSIA**

12. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa tahun 2017 merupakan **“Tahun Penyampaian”**

atau “***the year of delivery***”. Kita perlu mengutamakan amalan kerja terbaik sebagai cerminan kepada kewibawaan perkhidmatan awam. Sebagai penjawat awam, kita perlu fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan mengikis pemikiran untuk bekerja secara berasingan atau ‘*silo*’.

13. Sesi ‘*engagement*’ bagi Transformasi Nasional 2050 atau TN50 juga telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Januari yang lalu. TN50 merupakan dasar jangka panjang yang akan dirangka

berdasarkan aspirasi generasi muda hari ini dan menjadi landasan kita menuju tahun 2050. Golongan wanita turut tidak terkecuali sebagai salah satu fokus utama dalam pelan TN50. Sama ada kita sedar atau tidak, wanita mempunyai **peranan yang besar untuk membentuk generasi akan datang** bagi merealisasikan TN50 ini. Bermula sebagai seorang ibu, wanitalah yang membentuk anak-anak generasi sekarang menjadi pendokong aspirasi TN50 ini.

***“No country can ever truly flourish if it stifles the potential of its women***

***and deprives itself of the contributions of half of its citizens”***

– **Michelle Obama**

14. Saya berharap setiap program PUSPANITA dilaksanakan secara **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS** dengan melibatkan kerjasama dari pelbagai pihak dan menerapkan mesej “Negaraku Malaysia”. Selain daripada mengurangkan perbelanjaan, strategi NBOS juga dapat mengeratkan kerjasama pelbagai pihak semasa melaksanakan aktiviti. Saya menghargai kebolehan PUSPANITA

Cawangan Kecil JPA yang mampu melaksanakan pelbagai program dengan jayanya walaupun dalam keadaan peruntukan yang minimum dan kesibukan menunaikan tanggungjawab hakiki sebagai penjawat awam.

**Ahli PUSPANITA yang saya hormati,**

**MENJAGA KESIHATAN FIZIKAL  
DAN MENTAL**

15. Dalam kesibukan melaksanakan tanggungjawab dan tugas sebagai isteri, ibu, serta penjawat awam,

**penjagaan kesihatan perlu dititikberatkan** untuk mengekalkan kecekapan dan produktiviti dalam apa sahaja yang dilakukan. Tanpa penjagaan kesihatan yang baik dan berkualiti, bukan sahaja kehidupan saudara dan keluarga malah masyarakat dan pentadbiran negara akan turut terjejas dengan hilangnya kekuatan fizikal untuk melaksanakan aktiviti dan tugas yang diberi di tempat kerja.

16. Selain kesihatan fizikal, **kesihatan mental** juga penting dalam membentuk individu sihat. Baru-baru

ini kita dikejutkan dengan kejadian seorang ibu yang menyembelih bayinya sendiri. Kita memahami, bahawa wanita mempunyai tanggungjawab dan peranan yang berat baik di rumah ataupun di tempat kerja. Justeru, para wanita memerlukan sokongan padu daripada orang di sekeliling. Jika saudara mempunyai masalah, carilah bantuan, luahkan dan jangan disimpan. Di sini ahli PUSPANITA boleh juga berperanan sebagai rakan yang memberi nasihat atau sokongan psikologi kepada rakan sekerja supaya terus kuat dan stabil mindanya.

17. Jika masih ada sebarang masalah atau bebanan yang tidak bertanggung, ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kecil JPA boleh mendapatkan **bantuan profesional daripada pegawai psikologi dan kaunseling daripada Bahagian Pengurusan Psikologi.** Saya menyeru supaya ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kecil JPA turut menyertai program-program sukan dan kesihatan yang dianjurkan sama ada oleh JPA atau lain-lain agensi untuk membentuk fizikal dan minda yang sihat.

Saudari-saudari sekalian,



## **MENJAGA TERTIB**

18. Mutakhir ini, terdapat segelintir penjawat awam dan pesara Kerajaan yang suka memuat **naik status dan komen mengenai Kerajaan** melalui pelbagai aplikasi media sosial seperti *Facebook, Instagram, Whatsapp* dan *Twitter*. Perlu diingat, penjawat awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 walaupun telah bersara.

19. Saya ingin menegaskan di sini bahawa penjawat awam dan pesara

Kerajaan adalah **dilarang sama sekali membuat sebarang kenyataan yang boleh dianggap membocorkan rahsia Kerajaan.** Tindakan ini boleh mendatangkan fitnah dan memberikan persepsi buruk terhadap Kerajaan. Secara tidak langsung, ianya menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara yang telah dicapai sehingga hari ini.

Saudari ahli PUSPANITA yang dihormati sekalian,

**PENUTUP**

20. Wanita sejak zaman berzaman merupakan sumber inspirasi, pendokong kejayaan dan turut bersama menjadi peneraju di samping kaum lelaki dalam apa jua lapangan, sama ada keluarga, masyarakat dan negara. Bangkitlah dengan keyakinan, kewibawaan dan senyuman bahawa anda Wanita, PUSPANITA adalah aset hebat negara ini. Sebagai mengakhiri ucapan, ingin saya membawa saudari semua kembali kepada nama-nama yang telah saya sebutkan tadi dan ingatlah, tidak mustahil saudari-saudari juga mampu menjadi seperti mereka suatu hari nanti.

21. Maka dengan lafaz Bismillahir  
rahmannir rahim, saya merasmikan  
Mesyuarat Agung PUSPANITA  
Cawangan Kecil JPA bagi Tahun 2017.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatulahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.